

LANGKAH-LANGKAH *DESIGN THINKING*

1

Empati

Daya meyakini atau memahami perasaan serta emosi orang lain atau pihak ketiga



2

Takrifan


Penghuraian serta mensintesis, mengkaji serta menyelidiki sesuatu perkara dengan lebih mendalam



3

Penjanaan

Proses menjana idea atau cadangan penyelesaian / solusi



4

Prototaip

Menghasilkan prototaip idea penyelesaian terbaik



5

Pengujian

Ujian terhadap prototaip kepada pengguna atau pihak ketiga



HORIZON BAHARU KIK

PTPA BIL 01/2016

× × × ×
× × × ×

× × × ×
× × × ×




Pendekatan untuk memperkasakan inovasi dalam sektor awam adalah melalui pelaksanaan KIK secara komprehensif sejajar dengan fokus Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), iaitu pertumbuhan berpaksikan rakyat dan meletakkan inovasi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi melalui penambahbaikan atau pembaharuan proses, teknologi dan model perniagaan yang akan meningkatkan produktiviti melalui inovasi perusahaan dan inovasi sosial.

KERANGKA HORIZON BAHARU KIK

Panduan Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) memberi penekanan kepada keberhasilan (*outcome*) dan potensi pengembangan projek. Panduan ini meliputi tiga (3) fasa iaitu Fasa Penghasilan Projek, Fasa Pengiktirafan dan Fasa Pengembangan Projek.

KERANGKA PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN INOVASI DALAM SEKTOR AWAM MELALUI HORIZON BAHARU KIK



BIDANG INOVASI DALAM KIK, KATEGORI INOVASI DAN TAHAP KEBERHASILAN

PEMBENTUKAN KUMPULAN

KIK PRIMER 01

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) orang tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang** daripada **agensi sama** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK.

KIK HIBRID 02

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **dua (2) atau lebih agensi yang bersilang fungsi yang bekerjasama untuk melaksanakan projek**. Bilangan ahli tertakluk kepada **skala, kos, kategori projek** dan **dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan** projek KIK Hibrid.

× × × ×
× × × ×